

## ■ Penduduk bimbang sumber air bersih terjejas

Oleh Mohammad Hairi Azmi  
Tham

am@mediaprima.com.my

Kuala Kangsar

**P**enduduk Kampung Enggor, di sini, cemas apabila air sungai di kampung mereka bertukar warna 'merah' dipercayai dicemari dan kejadian itu dikhuatiri menyebabkan ikan di sungai berkenaan pupus.

Penduduk, Sukarno Abdul Mutalib, 62, berkata, kejadian itu bukan pertama kali berlaku dan ia dikhuatiri akan menjejaskan sumber air bersih.

"Tidak jauh dari sungai itu, ada satu loji rawatan air yang dipercayai merawat air untuk dibekalkan kepada penduduk sekitar Kuala Kangsar.

"Saya risau jika air yang dipercayai tercemar itu disalurkan kepada penduduk

# Sungai 'merah'



AIR sungai bertukar merah dipercayai akibat tercemar.

sekitar daerah ini, ia boleh memudaratkan kesihatan" katanya.

Jelasnya, keadaan sungai itu turut menyebabkan banyak anak ikan mati, malah dia pernah melihat bangkai ular sawa dalam sungai dipercayai akibat pencemaran itu.

"Lebih membimbangkan Sungai Enggor ini bersambung dengan Sungai Perak. Saya risau keadaan ini bakal menjejaskan hidupan air di

sungai itu pula.

"Harap pihak berkaitan mengambil tindakan tegas dan lakukan siasatan terutama terhadap kilang atau premis yang membuang pelbagai bahan buangan termasuk yang dipercayai bertoksik ke dalam sungai," katanya.

Seorang lagi penduduk, Halimah Yahaya, 42, berka-

ta, dia terkejut apabila melihat air sungai itu bertukar kemerah-merahan sewaktu ke sungai berkenaan baru-baru ini.

Menurutnya, perkara itu sudah banyak kali berlaku, namun penduduk kampung tidak mengetahui punca sebenar air sungai berkenaan bertukar warna.

"Kalau lihat pada air sungai ini, saya percaya air sungai ini tercemar, jika tidak ia tidak mungkin bertukar menjadi warna merah sebegini," katanya.

**FAKTA**  
Keadaan sungai itu turut menyebabkan banyak anak ikan mati

Peluang keemasan untuk memiliki pelaburan